

**SASTERA DAN PENULISAN DALAM AGENDA
PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN
(FSSK/06/2006)**

**MAWAR SHAFEI
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia**

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

**SASTERA DAN PENULISAN DALAM AGENDA
PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**

Seperti yang dikemukakan kepada
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

oleh

DR MAWAR SHAFEI

**Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor.**

mar@ukm.my

20 Disember 2006

KANDUNGAN

Penghargaan

Pengenalan

Tujuan Kajian

Kajian Kepustakaan

Skop Kajian

Kepentingan/Rasional Kajian

Kaedah Kajian

Jadual Waktu Kajian Berlangsung

Penglibatan Institusi

Data Penulis

Model Penulis Muda

Penemuan

Cadangan

Kesimpulan

Bibliografi

Hasil Kertas Kerja

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia khususnya Profesor Samsudin A Rahim atas pertimbangan dan meluluskan permohonan kajian enam bulan ini di samping membiayai sepenuhnya penyelidikan.

Rakaman terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang menyediakan ruang bekerja yang kondusif sepanjang enam bulan kajian dijalankan.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada empat institusi yang terlibat secara langsung dalam kajian ini menerusi wakil-wakilnya yang dihubungi iaitu Yayasan Warisan Johor (Hj Dzulkarnain Asmawi dan Cik Zetty Raihan), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (Sdr Shahrudin Nizal Mohd Nor), Kelab Penulis Zaharah Nawawi (Puan Zaharah Nawawi) dan Kavyan (Sdr Uthaya Sankar SB).

PENGENALAN

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), teras terhadap pembangunan belia, jelas memberi penekanan terhadap usaha “mengupayakan belia”. Ia adalah bertujuan bagi meningkatkan peranan belia dalam masyarakat, mengekalkan perpaduan dan integrasi sosial serta pembinaan bangsa Malaysia. Beberapa rancangan aktif harus dilaksanakan secara berkesan bagi merealisasi serta mewujudkan golongan belia yang mempunyai kualiti antaranya dalam dimensi kepemimpinan, kemahiran keusahawanan dan yang paling penting ialah dimensi intelektual. Mereka dapat menjadi belia contoh dalam masyarakat. Penekanan yang tidak boleh dikesampingkan juga adalah usaha melahirkan individu belia yang berwibawa, mempunyai nilai kerohanian dan moral yang tinggi bagi melahirkan personaliti yang unggul.

Di bawah teras strategik untuk pembangunan belia, ada dinyatakan antaranya meningkatkan penyertaan belia dalam pendidikan, kepemimpinan dan kemahiran. Latihan kemahiran yang lebih komprehensif untuk belia diperluas bagi merangkumi bidang baru seperti penyenggaraan bangunan dan pesawat serta pengurusan hotel selain memperkenalkan program teknikal dan vokasional yang baru. Latihan dalam *soft skills* seperti komunikasi berkesan, hospitaliti dan kemahiran pemikiran kreatif, turut diambilkira. Dalam sub pembahagian ini dilihat juga bahawa peranan kesusasteraan harus dipertimbangkan sebaiknya.

Maka kertas cadangan ini mahu mengenengahkan peranan sastera yang dapat digembleng untuk menjayakan teras strategik pembangunan belia yang diajukan. Menerusi kegiatan sastera khususnya bimbingan melahirkan penulis muda dilihat berkesan untuk melahirkan belia yang dapat dibanggakan dari sisi sahsiah, intelektual serta memperkasakan nama Malaysia di puncak dunia.

TUJUAN KAJIAN

1. Mengenalpasti beberapa institusi yang terlibat dalam melahirkan penulis muda di Malaysia
2. Mengumpul data penulis muda yang lahir dari bengkel penulisan anjuran institusi (yang disebut dalam perkara 1) dan pencapaian mereka.
3. Membuktikan sastera berperanan dan memberi impak terhadap pembangunan belia Malaysia; khususnya terhadap pembangunan sahsiah.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Beberapa kajian yang berhubungan dengan kelompok penulis muda, banyak dilakukan di kalangan pengkaji kesusasteraan Melayu. Mohd Hanafi Ibrahim dalam *Esei-esei Tentang Penulis Muda 80-an* (1994) mengumpul beberapa pendapat tentang “penulis muda” daam dekad 80-an. Antaranya ialah tentang keterlibatan, sumbangan dan masa depan penulis muda dalam konteks kesusasteraan Melayu. Kebanyakannya pula lebih tertumpu kepada genre puisi Melayu.

Mohd Faizal Said pula meneliti kemunculan penulis muda dalam dekad 90-an dalam kajiannya “Pemikiran dan Arah Pengarang Generasi Baru” (1999). Dapatan beliau bahawa “pengarang generasi baru” ini ialah mereka yang menulis dalam dekad 80-an dan

90-an. Kelompok dekad 80-an lebih gemar bereksperimen dan karya mereka bersifat “sukar-berat”. Sementara penulis dekad 90-an dikatakan lebih bersederhana, lebih mudah untuk diterima khalayak dan banyak mengemukakan ilmu luar sastera dalam karya mereka seperti geografi, sains komputer, undang-undang, sejarah dan politik.

PENA sebagai organisasi penulisan pernah menganjurkan Perhimpunan Penulis Muda Nasional 2005 di Pontian, Johor bersama DBP dan Persatuan Penulis Johor. Sebanyak 25 buah kertas kerja yang dibentangkan kemudian dibukukan dalam antologi *Idealisme dan Intelektualiti dalam Karya* (2005). Rata-rata para pemakalah yang terdiri daripada aktivis muda sastera membincangkan gerakan dan masa depan penulis muda.

Kajian lalu juga menunjukkan fenomena pembangunan belia Malaysia khususnya berkaitan dengan kesusasteraan lebih banyak tertumpu kepada aspek intrinsik iaitu kedudukan, mutu dan masa depan pengarang muda berdasarkan karya yang dihasilkan. Sehubungan dengan perspektif belia dilihat sebagai asset negara yang cukup menjanjikan – dari dimensi pembangunan sahsiah dan ekonomi, maka kajian ini cuba meninjau hubungan mereka dengan kesusasteraan khususnya kedudukan mereka sebagai penulis muda yang menghasilkan karya kreatif seperti puisi, cerpen dan novel. Daripada kedudukan ini diperhalusi bagaimana kesusasteraan di tangan para belia ini (i) dapat menjadikan mereka penulis pelapis kepada penulis generasi awal, (ii) penulisan dapat memperkasakan intelektual, daya fikir dan minda kreatif mereka, dan (iii) ia mencetuskan fenomena pengalihan generasi muda Malaysia yang ampuh dari aspek mental, peribadi, fizikal dan ekonomi.

SKOP KAJIAN

Kajian ini meliputi beberapa institusi yang dikenalpasti mengendalikan bengkel-bengkel penulisan untuk para penulis muda. Antaranya seperti Minggu Penulis Remaja oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (MPR), Kelab Penulis Zaharah Nawawi (KEPEZI), Yayasan Warisan Johor (YWJ) dan Kumpulan Karyawan Kavyan (Kavyan).

KEPENTINGAN/RASIONAL KAJIAN

Untuk memberikan tanggapan baru bahawa sastera turut menyumbang terhadap pembangunan belia Malaysia. Ia dapat direalisasikan dengan melahirkan para penulis muda menerusi bengkel-bengkel bimbingan penulisan dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, novel dan juga esei kritikan. Para penulis muda ini pula memberikan beberapa dimensi peranan dan tanggapan seperti,

- (i) pemikir zamannya; generasi yang aktif dari sisi intelektual,
- (ii) mendokumentasikan pemikiran mereka dalam bentuk kreatif,
- (iii) menggunakan sebaik mungkin bakat, keupayaan dan masa muda yang ada, dan
- (iv) menjadi pelapis kepada para penulis mapan atau sebelumnya.

KAEDAH KAJIAN

1. penelitian di perpustakaan,
2. wawancara tokoh yang terlibat sama ada pemilik institusi, penganjur dan penulis muda (selektif), dan
3. pembacaan karya penulis.

JADUAL WAKTU KAJIAN BERLANGSUNG

| TARIKH | KEGIATAN | MATLAMAT |
|-------------------|---|---|
| 20 Jun 2006 | Kajian perpustakaan | Mengenalpasti institusi yang terlibat. |
| 20 Julai 2006 | Wawancara pemilik institusi | Mengenalpasti peranan yang dimainkan dalam melahirkan penulis muda. Pengisian projek. |
| 20 Ogos 2006 | - Wawancara pemilik institusi (sambungan) - Kajian perpustakaan | Meneliti karya penulis muda yang terlibat. |
| 20 September 2006 | Wawancara penulis muda yang berjaya dilahirkan | Mengenalpasti apa manfaat yang mereka perolehi dari bengkel penulisan. Tanggapan mereka terhadap institusi. |
| 20 Oktober 2006 | Menulis laporan | Laporan dilengkap dan disiapkan. |
| 20 Disember 2006 | Laporan dihantar ke Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. | Laporan dihantar. |

PENGLIBATAN INSTITUSI

Institusi yang dijadikan sampel kajian ini ialah,

1. Minggu Penulis Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka (MPR)
2. Kelab Penulis Zaharah Nawawi (KEPEZI)
3. Kumpulan Karyawan Kavyan (Kavyan)
4. Yayasan Warisan Johor (YWJ).

Bagi melihat penglibatan institusi berkenaan, satu set soalan yang berupa wawancara diajukan kepada wakil institusi. Berikut merupakan set soalan tersebut,

Wawancara Institusi

1. Nyatakan sejarah penubuhan institusi yang sdr wakili?
2. Apakah objektif penubuhan?
3. Apakah kegiatan yang dijalankan khususnya dalam melahirkan penulis muda?
4. Apakah matlamat kegiatan tersebut?
5. Siapakah peserta yang terlibat?
6. Siapakah pembimbing bengkel penulisan?
7. Berapa kerap bengkel diadakan?
8. Siapakah peserta yang berjaya menghasilkan karya?
9. Siapakah peserta yang berjaya menerbitkan karya?
10. Siapakah peserta yang berjaya dalam mana-mana sayembara penulisan?
11. Pandangan sdr tentang tahap pencapaian institusi sehingga kini? Apakah ukuran yang digunakan?

Daripada soalan yang diajukan beberapa dapatan diperolehi bagi setiap institusi berkenaan,

1. Minggu Penulis Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka

Sebagai badan penggalak sastera tanahair, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) banyak mengadakan program penataran bakat untuk penulis baru untuk pelbagai peringkat. Dalam dekad 80-an, DBP memberikan tumpuan secara khusus untuk menggalakkan penulis muda di kalangan remaja berkarya secara terarah melalui program yang dinamakan “Minggu Penulis Remaja” (MPR) yang pertama kali diadakan pada 13 September 1985 di DBP sendiri.

Objektif program ini ialah,

- (i) untuk mengembangkan bakat penulisan kreatif di kalangan remaja dalam peringkat usia yang dinyatakan,
- (ii) membimbing dan memberikan latihan kepada remaja untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan kreatif, dan
- (iii) membina generasi pelapis penulis kreatif di negara ini.

Justifikasi program ini diadakan adalah kerana dilihat ramai remaja berbakat yang perlu diberikan bimbingan untuk peningkatan kemahiran menulis supaya menjadi lebih mantap. Melalui penghasilan karya dari remaja ini juga diharapkan dapat menampung kekurangan karya yang bermutu dan sesuai untuk golongan sasaran ini. Ia juga menepati tuntutan terhadap permintaan yang menggalakkan terhadap sastera remaja.

Kegiatan berbentuk bimbingan dalam bengkel seramai 20-40 peserta (kebanyakannya sekitar 30 orang) secara khusus diadakan bagi tujuan melahirkan penulis muda. Penyertaan dibuka menerusi pemilihan yang dilakukan daripada permohonan iklan yang dibuat dalam media massa dan elektronik. Pemohon adalah di kalangan warganegara Malaysia, berusia 14-20 tahun yang pernah menghasilkan karya dalam majalah terbitan DBP seperti *Dewan Siswa* dan *Tunas Cipta*, serta remaja lain yang berpotensi yang turut pernah berkarya dalam mana-mana media. Mereka diminta menyertakan salinan karya yang tersiar bersama borang penyertaan. Kemudian peserta yang terpilih dikelompokkan berasaskan kecenderungan dan minat masing-masing dalam genre yang ditentukan.

Para pembimbing bengkel adalah dari kalangan penulis mapan tanahair termasuk Sasterawan Negara dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen dan novel. Antara penulis mapan yang kerap dijemput sebelum ini ialah Allahyarham Othman Puteh, Allahyarham Dharmawijaya, Rahman Shaari dan Ali Majod. Para pembimbing juga datang dari kumpulan awal MPR yang berjaya ataupun editor buku/majalah yang dapat berbahagi pengalaman. Ceramah adalah dalam bentuk teori dan umum. Kaedah pelaksanaan yang diamalkan dalam program ini ialah berdasarkan mentor-mentee. Mentor merupakan mantan peserta MPR yang sudah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam penulisan mereka. Mentor juga merangkap fasilitator dalam bengkel yang dikendalikan mengikut genre. Pemantauan oleh mentor terhadap mentee akan berterusan selama setahun. Peserta yang berjaya menghasilkan karya dalam tempoh setahun daripada tarikh penyertaan program ini akan diberikan sijil pengiktirafan sebagai “Penulis Produk MPR” oleh DBP. Rata-rata program ini mengambil masa selama seminggu. Sehingga kini MPR masih diadakan dan yang terkini sehingga kajian ini dijalankan ialah pada 10-16 Disember di Golden Straits Villas Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada tahun ini juga slogan dan logo MPR diubah. Slogan lama “Remaja Teras Pencapaian Wawasan” ditukar kepada “MPR Penjana Kreativiti Remaja”.

2. Kelab Penulis Zaharah Nawawi

Kelab Penulis Zaharah Nawawi (KEPEZI) ditubuhkan pada 1997 hasil daripada cadangan peserta bengkel intensif cerpen yang inginkan para peserta dapat berkumpul dan bertemu lebih kerap dalam sebuah kelompok yang mempunyai minat dan harapan

yang sama di bidang penulisan. Sementara bengkel bimbingan penulisan dimulakan sejak 1993.

Cetusan idea membimbing penulis adalah berdasarkan pengalaman pengasasnya, Zaharah Nawawi yang selama 30 tahun bertugas di media massa arus perdana – akhbar dan majalah – serta mengelolakan ruangan cerpen dan puisi; juga beberapa kali diberi peluang menjadi panel penilai pertandingan menulis cerpen. Beliau menyedari ramai yang berbakat besar dalam penulisan karya kreatif. Kebanyakannya mempunyai idea dan cerita yang sangat menarik, namun tidak tahu cara penyampaian dalam penulisan.

Organisasi KEPEZI terdiri daripada Zaharah Nawawi sebagai Presiden (pengasas). Sementara keahlian KEPEZI terdiri daripada sesiapa sahaja yang pernah mengikuti bengkel penulisan anjuran dan bimbingan Zaharah Nawawi. Tidak perlu memohon menjadi ahli, sebaliknya setiap peserta secara automatik menjadi ahli KEPEZI. Tiada sebarang yuran keahlian dikenakan. Ahli hanya perlu membayar apabila mengikuti mana-mana bengkel penulisan anjuran KEPEZI.

Pada awalnya (1993), yuran yang dikenakan bagi peserta yang mengikuti bengkel penulisan, hanya RM150. Namun menjelang 2000, yuran dinaikkan berdikit-dikit sehingga mencecah RM300 selari dengan tuntutan semasa. Peserta yang diterima bagi satu-satu bengkel hanya sekitar 10 orang bagi memastikan masa mencukupi untuk memberikan tunjuk ajar sepenuhnya kepada peserta. Yuran yang dibayar peserta digunakan untuk membayar tenaga dan kepakaran pembimbing, sewa tempat berbengkel, makan minum sepanjang bengkel, mencetak sijil penyertaan, alat tulis dan beberapa perkhidmatan perhubungan lain.

Sebagai kelab yang tidak punya sumber kewangan, KEPEZI beroperasi dari rumah Presidennya (urusan surat-menyurat dan komunikasi lain). Tiada tempat untuk ahli berkumpul atau berbincang. Pada zaman awal kegiatan, KEPEZI menyewa beberapa tempat. Mulanya di Dataran Usahawan Negara Medan Mara Jalan Raja Laut Kuala Lumpur dan di bilik-bilik mesyuarat di LPPKN (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara) di Jalan Raja Laut Kuala Lumpur. Bermula 1996 kegiatan beralih ke Rumah Gapena, Rumah Persatuan Wartawan Melayu, Rumah Pena atau bangunan DBP. Namun demikian kemudahan internet digunakan sepenuhnya oleh ahli; perbincangan, pertukaran fikiran dilakukan di e grup <http://groups.yahoo.com/group/kol2004> yang diasaskan oleh Mawar Shafei selaku moderator.

Modus operandi KEPEZI ialah selesai sesi bimbingan dalam kelas (bengkel), peserta seterusnya dibimbing peribadi sama ada melalui e-mel, telefon atau perjumpaan. Bimbingan ini disebut “bimbingan susulan”. Tujuannya bagi memastikan peserta melihat kembali karya yang diperkatakan dalam bengkel, diperbaiki dan akhirnya dilengkapkan untuk dikirim ke penerbit. Bimbingan bukan sekadar mengenai bagaimana cara menulis karya tetapi juga bagaimana menyunting karya sendiri dan cara menghantar kepada editor sesebuah media, terutama media arus perdana.

Di samping Zaharah Nawawi sendiri selaku Ketua Pembimbing, dalam beberapa bengkel beliau turut memberi peluang kepada beberapa ahli lama yang dianggap sudah melepasi “tahap”, dapat berbahagi pengalaman penulisan. Mereka merupakan

“moderator” yang dijemput dalam beberapa bengkel, antaranya seperti Aminah Mokhtar, Siti Salbiah Raduan, Mawar Shafei dan Siti Aminah Yusof. Di samping itu turut dijemput sasterawan mapan untuk membimbing peserta, antaranya A Samad Said, Rahman Shaari dan Ungku Maimunah Mohd Tahir.

Sebagai sebuah kelab yang kini mempunyai keahlian lebih seribu orang di seluruh negara, KEPEZI ternyata memerlukan prasarana bagi mengatasi beberapa kekurangan; agar dapat meneruskan kegiatan sastera dengan lebih konsisten, mantap dan berkesan. Antara yang diperlukan,

- i. Dana
- ii. Tempat mengadakan bengkel
- iii. Majlis pelancaran/diskusi hasil karya KEPEZI
- iv. Kursus penulisan anjuran MASTERA
- v. Lawatan sastera ke luar negara
- vi. Majlis ceramah sastera bagi mendekatkan warga KEPEZI dengan pengendali media arus perdana.

3. Kumpulan Sasterawan Kavyan

Pada 22 Ogos 1999 sekumpulan kecil penulis kaum India dan peminat sastera Bahasa Malaysia telah mengadakan satu perjumpaan tidak rasmi di ibu negara dan menamakan kumpulan mereka sebagai *KuSasKI* iaitu *Kumpulan Sasterawan Kaum India*. Perjumpaan dilihat sebagai antara usaha menyatukan kumpulan karyawan yang inginkan pembaharuan dalam bidang penulisan dan kemajuan masyarakat India di Malaysia. Tidak setakat itu, kumpulan penulis ini juga diharapkan akan menjadi

pengantara yang akan menghubungkan idea-idea baru golongan pasca-merdeka, muda dan berilmu.

Hasil daripada pertemuan itu maka lahirlah Kavyan iaitu kelab/persatuan yang dianggotai khusus oleh masyarakat India di Malaysia. “Kavyan” adalah istilah Sanskrit dan Malayalam yang membawa makna “sasterawan” atau “pengarang karya sastera”. Istilah “karyawan” dalam Bahasa Malaysia berasal daripada istilah “Kavyan”. Keahliannya terbuka kepada penulis karya kreatif, penulis karya non-kreatif, peminat karya kreatif Bahasa Malaysia dan juga individu yang terlibat dalam kegiatan seni dan budaya masyarakat India di Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Keahlian adalah berdasarkan permohonan. Keahlian dalam Kavyan adalah percuma. Tiada bayaran masuk dan yuran tahunan. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Jawatankuasa Kavyan. Kumpulan ini beralamat di 27, Jalan 25/82-B, Taman Sri Muda, 40480 Shah Alam, Selangor. Laman sawang Kavyan di alamat jaringan <http://www.kavyan.cjb.net> atau http://www.geocities.com/kavyan_kavya/kavyan.htm diasaskan pada 10 Oktober 2001. Keahlian terbuka kepada semua tanpa mengira batas etnik, keturunan, kaum, bangsa (warganegara), agama, kepercayaan, ideologi, geografi, sosial, politik, ekonomi.

Jelasnya objektif penubuhan Kavyan adalah untuk,

- (i) menyatukan golongan ahli; sasterawan kaum India Malaysia yang menghasilkan karya asli dalam Bahasa Malaysia.
- (ii) menyebarluaskan penglibatan/sumbangan ahli dalam aktiviti penulisan.
- (iii) menyalurkan karya ahli ke penerbitan.

- (iv) mengasah bakat penulisan di kalangan ahli.
- (v) menyumbang ke arah memperkaya khazanah sastera kebangsaan.
- (vi) memupuk minat membaca di kalangan ahli.
- (vii) menyebarkan luaskan perjuangan “Bahasa Malaysia, Bangsa Malaysia”.

Siri Bengkel Karyawan Muda merupakan antara kegiatan dalam usaha melahirkan penulis pelapis tanahair. Antara siri kegiatan tersebut pernah diadakan di Universiti Malaya, sekitar Kuala Lumpur dan Shah Alam. Lanjutan daripadanya, terbit antologi cerpen Bahasa Malaysia karya penulis kaum India Malaysia iaitu *Vanakam* (2000). Kavyan juga menerbitkan surat berita *Kavya* (yang disebut “karya” dalam Bahasa Malaysia) mulai September 1999. Ia diedarkan percuma kepada para ahli. *Kavya* bertujuan menyebarkan luaskan maklumat mengenai karyawan/sasterawan/seniman kaum India di Malaysia dan aktiviti Kavyan. Bahan-bahan yang dimuatkan menggunakan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil. Mulai Julai 2002, surat berita dwibahasa *Kavya* mula dimuatkan di laman web; agar *Kavya* dan perjuangan serta aktiviti Kavyan boleh diakses melalui internet dari mana-mana penjuru dunia.

4. Yayasan Warisan Johor

Sejak ditubuhkan pada 17 Disember 1988, Yayasan Warisan Johor (YWJ) telah diberi tanggungjawab bukan sahaja untuk memelihara bahkan menentukan kelangsungan warisan budaya. Penubuhannya dibuat kerana kesedaran kerajaan, penggerak seni dan orang ramai yang mahu melihat warisan sejarah, seni dan budaya Johor tidak pupus dan terhakis dalam arus pembangunan mahupun globalisasi.

Mengikuti enakmen No. 7 Tahun 1988, antara fungsi YWJ yang jelas termaktub dalam enakmen itu ialah menggiatkan kecenderungan awam untuk memberikan dukungan dalam usaha pemeliharaan dan penyebaran pengetahuan mengenai budaya dan sejarah negeri. Jelasnya antara tugas dan tanggungjawab YWJ ialah berusaha untuk mengenalpasti dan mendokumentasi seluruh khazanah warisan budaya Johor yang merangkumi keseluruhan warisan sejarah, kesenian dan kebudayaan tradisi Johor.

Sehubungan itu YWJ diberi kuasa antara lain untuk membuat kajian, pemeriksaan serta penyelidikan ke atas barang-barang peninggalan sejarah termasuk yang berkaitan dengan alam semulajadi. Selain itu, YWJ juga diberi tugas untuk mengumpul, mengkaji, memelihara dan memulihara bahan-bahan yang berkaitan dengan warisan sejarah, kesenian dan kebudayaan di samping mempamer, menyebarkan dan mengembangkan bahan-bahan tersebut untuk pengetahuan dan manfaat orang ramai.

Bagi menentukan tugas dan tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, lima bahagian diwujudkan iaitu Bahagian Pengurusan & Pentadbiran, Bahagian Pemuziuman, Bahagian Persuratan dan Sejarah, Bahagian Pengembangan Seni & Budaya dan Badan Kesenian Warisan Johor. Secara khusus Bahagian Persuratan dan Sejarah diwujudkan pada 1 Januari 1997. Antara lain bahagian ini diwujudkan untuk mengumpul, mengkaji dan mendokumentasi setiap hasil warisan persuratan Johor. Bahagian ini juga ditugaskan untuk menerbitkan, menyebarkan dan memasyarakatkan setiap hasil warisan persuratan untuk pengetahuan umum. Selain daripada itu juga bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program penggalakkan terhadap kegiatan

persatuan-persatuan penulis dan sejarah di semua peringkat. Buletin Yayasan Warisan Johor merupakan satu siri penerbitan berkala yang dikendalikan oleh bahagian ini dengan dibantu oleh bahagian-bahagian lain. Antara lain tujuannya untuk mengabadikan segala kegiatan Yayasan Warisan Johor dari masa ke semasa dalam bentuk bercetak.

Bahagian Persuratan dan Sejarah sebagai salah satu bahagian dalam Yayasan Warisan Johor yang bertanggungjawab melaksanakan secara berkualiti dan cemerlang hal-hal yang berkaitan dengan persuratan dan sejarah Johor. Misinya adalah untuk melaksanakan program-program yang berkaitan dengan warisan persuratan, persejarahan, penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasian. Di samping untuk menghasilkan bahan-bahan penerbitan hasil daripada kajian, penyelidikan dan penulisan. Sementara fungsinya adalah untuk,

- (i) Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau program-program yang berkaitan dengan penyelidikan, pendokumentasian dan keilmuan.
- (ii) Merancang dan melaksanakan kerja-kerja penerbitan buku, buletin, jurnal dan risalah-
risalah.
- (iii) Merancang dan melaksanakan kerja-kerja pengumpulan bahan bertulis tentang persuratan, sejarah dan seni budaya Johor untuk tujuan pendokumentasian.
- (iv) Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan seterusnya menerbitkan semula warisan kepengarangan Johor.
- (v) Menerbit, menyebarkan dan memasyarakatkan khazanah warisan persuratan, sejarah dan seni budaya Johor untuk tatapan dan pengetahuan umum.
- (vi) Menyediakan dan melaksanakan program-program latihan untuk tujuan pengembangan ilmu khususnya dalam bidang persuratan dan sejarah.

Melalui slot inilah YWJ Bahagian Persuratan dan Sejarah ini menganjurkan beberapa siri bengkel penulisan dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, novel dan

skrip drama. Antara pembimbing yang pernah terlibat ialah Allahyarham Othman Puteh, Haji Hamzah Hamdani, Ismail Kassan, Hj Othman Zainuddin, Aminah Mokhtar, Mawar Shafei, Saifullizan Tahir, Shamsuddin Othman dan Shapiai Ramly. Penyertaan rata-rata dibuka kepada para pelajar sekolah seluruh negeri Johor dan individu yang berminat. Mereka memohon dengan menyertakan karya yang akan dinilai. Bagi yang berjaya, mereka akan mengikuti bengkel selama 3 hari yang lazimnya diadakan di beberapa hotel sekitar bandaraya Johor Bahru secara percuma. Mereka mengikuti ceramah dalam bentuk teori dan “pembedahan” karya masing-masing. Selepas mengikuti bengkel, para peserta akan dihubungi untuk melihat perkembangan penghasilan karya. Sehingga kajian ini dijalankan sebuah antologi novel lima orang pengarang dari bengkel novel tahun 2005, sedang dalam usaha penerbitan.

PENEMUAN

(A) DATA PENULIS

Kajian ini juga menemukan data penulis muda yang dilahirkan dari bengkel-bengkel penulisan seperti yang dinyatakan. Berikut merupakan sebahagian daripada peserta yang menyertai bengkel-bengkel penulisan yang dianjurkan oleh empat institusi berkenaan¹. Dikenalpasti tahun penyertaan sewaktu menyertai bengkel dan genre yang ditulis. Mereka ini dikenalpasti sebagai produk bengkel penulisan yang diadakan iaitu berjaya menghasilkan karya dengan pencapaian anugerah tertentu sama ada dalam sayembara sastera atau pengiktirafan sastera.

¹ Beberapa rekod hilang. Misalnya fail-fail MPR yang hilang semasa perpindahan bangunan lama DBP ke bangunan baru dan banyak fail yang disimpan presiden pertamanya Hizairi Othman yang hingga kini tidak dapat dikesan kehilangannya.

(i) Minggu Penulis Remaja

| Bil | Nama | Tahun Penyertaan | Genre |
|------------|---------------------------------|-----------------------------|---------------|
| 1 | Ahmad Patria Abdullah | 1985 | 3 |
| 2 | Amaruszati A Rahim | 1987 | 1, 2, 3 |
| 3 | Faisal Tehrani | 1994 | 1, 2, 3, 4, 5 |
| 4 | Ghafirah Idris | 2004 | 1, 2 |
| 5 | Hassan Jaidin | 1993 | 1, 2 |
| 6 | Hizairi Othman | 1987 | 1, 2, 3, 5 |
| 7 | Intan Marhaene Rahman | 1996 | 1 |
| 8 | Kamariah Kamaruddin | 1989 | 2, 3, 5 |
| 9 | Khairul Nizam | 2000 | 1, 2, 5 |
| 10 | Lily Haslina Nasir | 1986 | 2 |
| 11 | Lutfi Ishak | 2000 | 2 |
| 12 | Maharam Mamat | 1993 | 3 |
| 13 | Nisah Hj Haron | 1993 | 1, 2, 3, 5 |
| 14 | Puteri Al-Insyirah Megat Sapeli | 1991 | 2 |
| 15 | Rahimidin Zahari | 1987 | 1, 2, 5 |
| 16 | Rosie Haslinda Nasir | 1991 | 2 |
| 17 | Roslan Jomel | 1991 | 1 |
| 18 | Rosman Nordin | 1994 | 4 |
| 19 | Saharil Hasrin Sanin | 1991 | 2 |
| 20 | Salina Ibrahim | 1991 | 2, 3 |
| 21 | Salman | 2000 | 1, 2 |
| 22 | Shaidah Shafie | 1987 | 2 |
| 23 | Shamsuddin Othman | 1986 | 1, 2 |
| 24 | Shazmee Rizal Agus Salim | 1991 | 2 |
| 25 | Siti Hajar Mohd Zaki | 1996 | 2 |
| 26 | Siti Raihani Mohd Said | 1997 | 1, 2 |
| 27 | Tuan Faridah Syed Abdullah | 1986 | 1, 3 |
| 28 | Uthaya Sankar SB | 1991 | 1, 2, 3 |
| 29 | Zaen Kasturi | 1985 | 1, 2, 3 |
| 30 | Zariah Hassan | 1985 | 4 |

(ii) Kelab Penulis Zaharah Nawawi

| Bil | Nama | Tahun Penyertaan | Genre |
|------------|-------------------------------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Aminah Mokhtar | 1997 | 1, 2, 3, 4 |
| 2 | Amiza Khusyri Yusuf | 2003 | 1, 2 |
| 3 | Azman Ahmad @ Ibnu Ahmad Al Kurauwi | 2004 | 2 |
| 4 | Beb Sabariah | 2000 | 2 |
| 5 | Faisal Tehrani | 1994 | 1, 2, 3, 4 |
| 6 | Haryati Abu Nasir | 2004 | 2 |
| 7 | Mawar Shafei | 1996 | 2, 5 |
| 8 | Mohd Kholid Hamzah | 2001 | 2 |
| 9 | Mohd Nazmi Yaakob | 2000 | 2, 3 |
| 10 | Nor Hanisah Othman | 2001 | 2 |
| 11 | Razali Endun | 2000 | 2, 3 |
| 12 | Rozais AlAnamy | 2001 | 1, 2 |
| 13 | Salman Sulaiman | 2002 | 1, 2 |
| 14 | Serunai Faqir | 2004 | 2 |
| 15 | Siti Jasmina Ibrahim | 1994 | 1, 2, 3, 4 |
| 16 | Tiras R | 2000 | 2 |
| 17 | W.B Rendra | 2001 | 1, 2 |
| 18 | Zaid Akhtar | 1998 | 2, 4 |
| 19 | Zanazanzaly | 2001 | 1, 2 |
| 20 | Zulkifli Khair | 2004 | 2 |

(iii) Kavyan

Rujuk (B) MODEL PENULIS MUDA perkara (iii).

(iv) Yayasan Warisan Johor

| Bil | Nama | Tahun Menyertai | Genre |
|------------|-------------------------|------------------------|--------------|
| 1 | Nuraini Abdullah | 2004 | 2 |
| 2 | Sairah Abdullah | 2004 | 2 |
| 3 | Siti Aishah Mohd Razi | 2004 | 2 |
| 4 | Siti Nur Farahie Buhari | 2004 | 2 |
| 5 | Siti Zainon Surip | 2004 | 2 |
| 6 | Syuhada Baharuddin | 2004 | 2 |
| 7 | Zharulnizam Shah Z.A | 2000 | 1, 2, 3 |

Nota:

1 - puisi; 2 - cerpen; 3 - novel; 4 - skrip drama; 5 - esei dan kritikan

Berdasarkan jadual yang diajukan didapati bahawa kebanyakan peserta berada di tahap umur antara 17 hingga 35 tahun. Berdasarkan beberapa pendapat lingkungan ini merupakan tahap “belia” yang dimaksudkan. Antaranya,

- (i) Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995) iaitu antara 15 hingga 40 tahun,
- (ii) Santrock (2004) iaitu antara 12 hingga 21 tahun,
- (iii) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (khususnya ESCAP) iaitu antara 15 hingga 25 tahun, atau
- (iv) Commonwealth Youth Programme (CYP) iaitu antara 18 hingga 35 tahun.

Pada lingkungan usia ini dilihat akan momentum dan selanjutnya ketekalan mereka berkarya dan penyiaran karya yang rata-rata bertahan sejak pembabitan mereka dalam bengkel yang disertai. Jumlah mereka adalah seperti berikut,

- (i) MPR = 32
- (ii) KEPEZI = 20
- (iii) Kavyan = 10
- (iv) YWJ = 7

MPR ternyata mendahului institusi lain. Kekuatan ini rata-rata berdasarkan beberapa kewajaran berikut,

(i) Pemilihan pembimbing yang berwibawa khususnya di kalangan Sasterawan Negara. Mantan ahli MPR yang berjaya yang diambil semula sebagai pembimbing/fasilitator juga dilihat memberi kesan keyakinan kepada pembimbing itu sendiri untuk lebih mempertingkatkan mutu dan kemahiran penulisan. Mereka juga dilihat oleh peserta baru sebagai model yang dijadikan contoh terbaik untuk mereka berjaya dalam kerja penulisan ini.

(ii) Kaedah mentor-mentee yang tekal dan berpanjangan mewujudkan suasana yang menjadi pemangkin yang begitu ampuh. Modus operandi ini turut menjadi amalan dalam KEPEZI. Selaku “pembimbing sepanjang masa”, Zaharah Nawawi gigih menjalankan kerja melihat perkembangan peserta bengkel secara individu. Setelah tamat bengkel, peserta bebas menghubungi beliau bagi mendapatkan bimbingan sehingga karya berjaya disiarkan. Malah melalui beberapa wawancara bersama peserta KEPEZI menyatakan bayaran bengkel sebanyak RM300 bukan merupakan jumlah yang besar berbanding dengan bimbingan susulan yang diterima mereka. Malah bayaran ini dijadikan sebagai tanda iltizam (*commitment*) mereka untuk berjaya menghasilkan karya.

(iii) Pemilihan peserta di kalangan mereka yang “berbakat dan berminat” merupakan asas yang menjamin kesungguhan dan penghasilan karya selepas bengkel. Malah syarat mereka sudah pernah berkarya dan tersiar di media, dijadikan sebagai dalil bahawa tuntutan “bakat dan minat” itu sudah sedia ada dalam diri peserta.

(iv) had penyertaan seperti yang diamalkan dalam KEPEZI iaitu hanya menerima 10 orang peserta dalam satu-satu bengkel, adalah suatu kaedah yang praktis. Namun dalam bilangan yang peserta yang ramai, mereka dapat dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil bagi mendapatkan tumpuan bimbingan yang lebih terfokus.

Berdasarkan dapatan ini, adalah menjadi pertimbangan untuk memastikan beberapa perkara antaranya seperti kaedah bimbingan, ciri pembimbing dan syarat penyertaan, bagi mendapatkan hasil berupa produk penulis muda.

(B) MODEL PENULIS MUDA

Kajian ini mengesan beberapa penulis muda yang berjaya dihasilkan daripada bengkel yang dianjurkan oleh empat institusi berkenaan. Mereka dijadikan model kajian ini berdasarkan latar belakang bimbingan penulisan yang diperolehi, penghasilan karya, pencapaian dalam sayembara sastera serta ketekalan mereka berkarya.

(i) Faisal Tehrani

Nama sebenar: Mohd Faizal Musa

Tarikh, tempat lahir : 7 Ogos 1974 Kuala Lumpur

Pendidikan :

- Awal/Rendah di Sekolah Sacred Heart, Melaka; Sekolah Rendah Jalan Dato Palembang, Melaka.
- Menengah di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Shah, Melaka; Kolej Islam, Kelang; Akademi Islam Nilam Puri, Kelantan.
- Sarjana Muda Syariah (1999) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia (2001).

Alamat e-mel: tehranifaisal@yahoo.com

Alamat laman sawang: <http://fto.coolfreepage.com>

Genre Penulisan: Puisi, cerpen, novel, drama, esei.

Media siaran: *Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Dewan Sastera, Dewan Budaya, Utusan Zaman, Al Islam.*

Pencapaian:

1. Hadiah Sastera Siswa DBP-Bank Rakyat 1994 (cerpen “Malam Ini Philadelphia Menangis”)
2. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1994 (cerpen “Anak” dan “Opah”)
3. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1995 (cerpen “Pemberontakan Kedua”)
4. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1996 (cerpen “Perempuan Anggerik” dan “Api KL Belum Terpadam”)
5. Hadiah Sastera Berunsur Islam Ke-8 (cerpen “Menanti Subuh”)
6. Hadiah Sastera Maybank (cerpen “Kembara Cinta dan Karipap”)
7. Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/197 (drama “Rintih Chicago”)
8. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1997 (cerpen “Surat Untuk Gabe I”)
9. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1998 (cerpen “Cinta Gendang Kasturi”)
10. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1999 (puisi “Sesudah Hujan Dahlia”)
11. Hadiah Sastera Berunsur Islam (cerpen “Cahaya Pada Jiwa”)
12. Hadiah Sastera Berunsur Islam Ke-11 (cerpen “Setelah diciptakan Adam...”)
13. Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 (drama “Angin Madinah”)
14. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (novel remaja *1515*)
15. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (novel remaja *1511H Kombat*)
16. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (novel remaja *Advencer si Peniup Ney*)
17. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (novel remaja *Detektif Indigo*)
18. Sayembara Menulis Novel Sejarah dan Tradisi Johor I (novel *Surat-surat Perempuan Johor*).

Sajak :

1. “Melayu Malaysia Melayu Singapura” (1990)
2. “Sesudah Hujan Dahlia”
3. “Hati yang Terjinakkan” (2001)
4. “Merpati Mati Menyanyi” (2002)

Drama:

1. “Rintih Chicago”
2. “Angin Madinah”
3. “MISI” (2002)
4. “Tivi” (2004)

Kumpulan Cerpen:

1. *Sehari dalam Perang* (1997)
 - “Selamatkan Madinah”
 - “Sehari dalam Perang”
 - “Laungan Tanpa Suara”
 - “Menanti Yun Mui”
 - “Pemberontakan Kedua”
 - “Anak”
 - “Ops Nadi 1”

2. *Safari Gilgit* (1997)
 - “Safari Gilgit”
 - “Ada Api di Kuala Berang”
 - “Perempuan Anggerik”
 - “Sepagi Hari Natal”
 - “Di Bawah Batu”
 - “Opah”
 - “Malam Ini Philadelphia Menangis”

3. *Perempuan Anggerik* (2002)
 - “Api KL Belum Terpadam”
 - “Ayu Prastika”
 - “Bulan dan Wira”
 - “Canh Chua Ca”
 - “Ceritera di Pencuri Hati”
 - “Cinta Gendang Kasturi”
 - “Cinta Kala Wabak *Coxsackie*”
 - “Di Sini Paparazzi”
 - “Diskusi: Bianglala Reykjavik”
 - “Galau Seorang Guru”
 - “Hujan Belum Turun di Jakarta”
 - “*Kissaten* Teduhan Esok”
 - “Menanti Subuh”
 - “Perempuan Anggerik”
 - “Senja Haram”
 - “Surat untuk Gabe 1”
 - “Surat untuk Gabe 2”

4. *Kekasih Sam Po Bo* (2006)
 - "Irisan-Irisan Mimpi"
 - "Cahaya Pada Jiwa"
 - "Bulan Mengambang Di Langit KL"
 - "Opah"
 - "Imam Muhaimin"
 - "Kekasih Sam Po Bo"
 - "Syawal Ini Abah Menjadi Manusia Kembali"
 - "Kucing Gemuk Di Masjid Biru"
 - "Anak"
 - "Pemberontakan Kedua"
 - "Imam Muhaimin Di Kaherah"
 - "Datang Dari Sukma, Masuk Menyelinap Sukma"
 - "Ceritera Imam Muhaimin"
 - "Ratu Kosmetik"
 - "Cinta Dalam Jambangan Ilalang"
 - "Ingin Jadi Nasrallah"
 - "Sahmura Di Tanjung"
 - "Cik Siti Mustika"
 - "Sultan Alauddin Belajar Tasawuf"
 - "Moga Umpama Atturajjah"
 - "Sastera Perjalanan 1: Merpati Baqi"
 - "Korban Yushak"
 - "Sultan Alauddin Syahid Diracun"
 - "Di Bawah Batu"
 - "Cereka Sejarah"
 - "Setelah Diciptakan Adam..."
 - "Nenek Negro Di Kota Mekah"
 - "Bonda Tak Marah Lagi"
 - "Bulan Sabit Di Chiang Mai"
 - "Narawastu Amman"

Novel:

1. *Musim Dingin Terakhir* (1995) (dengan nama Aidi Aidil)
2. *Perempuan Politikus Melayu* (2000)
3. *Cinta Haru-hari Rusuhan* (2000)
4. *1515* (2003)
5. *Maaf dari Sorga* (2003)
6. *Rahsia Ummi* (2003)
7. *Tunggu Teduh Dulu* (2004)
8. *1511H Kombat* (2005)
9. *Advencer si Peniup Ney* (2005)
10. *Detektif Indigo* (2005)
11. *Surat-surat Perempuan Johor* (2005)
12. *Nama Beta Sultan Alauddin* (2006)

Bengkel penulisan yang pernah dihadiri:

1. Kepezi, 1994.
2. MPR, 1994.

(ii) **W.B. Rendra**

Nama sebenar: Wahyu Budiwa Rendra Bin A.Wahid.

Tarikh, tempat lahir: 17 September 1978, Johor Bahru

Pendidikan:

- Awal/Rendah di Sekolah Kebangsaan Felda Ulu Tebrau,
- Menengah di Sekolah Menengah Felda Ulu Tebrau.
- Diploma Pentadbiran Perniagaan (1997).
- Kini mengikuti Pengajian Jarak Jauh(PJJ) Bacelor Pentadbiran Perniagaan di Universiti Putra Malaysia.

Alamat e-mel: wbrendra@tm.net.my

Genre Penulisan: Puisi, Cerpen dan Novel.

Media siaran: *Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Dewan Masyarakat, Utusan Zaman, Tunas Cipta, Jendela Selatan, Majalah Wanita, URTV.*

Pencapaian:

- i. Kategori Puisi Pilihan Sayembara Puisi Johor 2004 (Hadiah Tongkat Warrant);
- ii. Menjadi tamu ruangan Profil Tunas Cipta Mei 2005;
- iii. Menjadi Pembicara Ceritera Bersama Karyawan Sastera (Genre Cerpen) April 2006 di DBP Wilayah Selatan;
- iv. Memenangi Hadiah Penghargaan Kategori Puisi Sayembara Kepenggunaan 2006 anjuran Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KDNdHEP), November 2006.

Cerpen :

1. "Gadis dan Lagu Cinta" (*Mingguan Malaysia*, 7 Julai 2002)
2. "Saat Kutitip E-Mel Resah" (*Utusan Zaman*, 18 Ogos 2002)
3. "Nota Panjang Di Jeriji Besi" (*Mingguan Malaysia*, 8 Sept. 2002)
4. "Tenggelamkah Bumi Cikura?" (*Mingguan Malaysia*, 16 Feb. 2003)
5. "Sulitnya Shiuji" (*URTV*, April 2003)
6. "Tentang Teori" (*Berita Minggu*, 11 Mei 2003)
7. "Mazhab Cinta" (*Mingguan Malaysia*, 9 Nov. 2003)
8. "Windu, Ini Elegi Bermonolog Daripadaku" (*Jendela Selatan* - DBP, edisi 2/03)
9. "Sidang Sarwajagat" (*Dewan Masyarakat*, Dis. 2003)
10. "Anak Pasca Merdeka" (*Berita Minggu*, 12 Sept.2004)
11. "Bicara Anjak" (*Berita Minggu*, 27 Mac 2005)
12. "Diutus Pawana Ke Sana" (*Berita Minggu*, 11 Dis. 2005)
13. "Ritma Ramadan yang Indah" (*Jendela Selatan*, Disember 2005)
14. "Marshmallow Strawberi dan Tesaurus Cinta" (*Mingguan Malaysia*, 29 Jan. 2006)
15. "Ketika Kartika Bercinta" (*Berita Minggu*, 5 Mac. 2006)
16. "Bukan Stanza Cinta" (*Jendela Selatan*, edisi 15/2006)

Sajak :

1. "Tengkujuh Ini" (*Utusan Zaman*, 13 Jan. 2002)
2. "PM, Jangan Undur Dulu" (*Mingguan Malaysia*, 30 Jun 2002)
3. "Wanita Itu" (*Tunas Cipta*, Ogos 2002)
4. "Malaysia, Kudamba Merdeka Selamanya" (*Mingguan Malaysia* 17 Nov. 2002)
5. "Manis Dia" (*Majalah Wanita*, Disember 2002)
6. "Purnama(edisi dura)" (*URTV*, Feb. 2003)
7. "Aku dan KebesaranNya" (*Utusan Zaman*, 8 Mac 2003)
8. "Mendung Hari Ini" (*Jendela Selatan* – DBP edisi 01/03)
9. "Kerdip Bintang Malap(seorang gadis)" (*URTV*, Julai 2003)
10. "Musim Mistik" (*URTV*, Julai 2003)
11. "Pelangi Di Malam Hari" (*Tunas Cipta*, Sept.2003)
12. "Emosi Senja" (*URTV*, Jan.2004)
13. "Cinta Pertama" (*Jendela Selatan* – DBP, edisi 01/04)
14. "Antara Lima Jemari" (*Tunas Cipta*, Sept.2004)
15. "Bicara Bisu" (*Mingguan Malaysia*, 31 Okt. 2004)
16. "Peluru Petang" (*Berita Minggu*, 14 Nov. 2004)
17. "Atas Nama Nafsu" (*Mingguan Malaysia*, 5 Dis. 2004)
18. "Dari Ranjang Cinta ke Kamar Neraka" (*Mingguan Malaysia*, 26 Dis. 2004)
19. "Santun Suara Ombak yang Manja(Antara Juzuk Tsunami)" (*Berita Minggu*, 16 Jan.2005)
20. "Arjuna Durjana" (*Jendela Selatan*, 2004)
21. "Stesen Sementara" (*Jendela Selatan*, April 2005)

22. “Belajar Erti Derita (?)” (*Berita Minggu*, 10 April 2005)
23. “Retorik Globalisasi (Atas Nama Kemajuan)” (*Berita Minggu*, 12 Jun 2005)
24. “Demi Bahasa” (*Mingguan Malaysia*, 26 Jun 2005)
25. “Serangkai Stanza Merdeka” (*Mingguan Malaysia*, 25 Sept. 2005)
26. “Tinta Cinta Buat Dia” (*Mingguan Malaysia*, 15 Nov. 2005)
27. “Bahasa di dalam Roh Bangsa” (*Berita Minggu*, 27 Nov.2005)
28. “Dari Pentas Dua Belas” (*Mingguan Malaysia*, 8 Jan. 2006)
29. “Gema, Gegar dan Gusar” (*Berita Minggu*, 12 Feb. 2006)
30. “Dari Papan Kekunci ke Gerbang Gergasi” (*Tunas Cipta*, Mac 2006)
31. “Dari Gelombang Garang ke Ombak Terang” (*Berita Minggu*, 26 Mac 2006)
32. “Gadis : Rentak Resah Remaja” (*Jendela Selatan*, April 2006)
33. “Dengan Airmata Kita Senafas” (*Mingguan Malaysia*, 4 Jun 2006)
34. “Persis Pelangi Pagi” (*Berita Minggu*, 18 Jun 2006)
35. “Sayang, Kita Pernah Berfikir Bersama II” (*Berita Minggu*, 9 Julai 2006)
36. “Mengenang Musim-Musim Mewangi” (*Berita Minggu*, 10 Sept.2006)
37. “Sayang, Kita Pernah Berfikir Bersama” (*Mingguan Malaysia*, 10 Sept.2006)
38. “Saat Hangat Darahnya di Tanganku” (*Tunas Cipta*, Oktober 2006)

Pantun :

1. Cari Citra Cinta (*Tunas Cipta*, Dis. 2002)
2. Kenangan Berpanjangan (*Tunas Cipta*, Jun 2003)

Novel :

1. “Di Sebalik Mentari Jingga” (dalam proses penerbitan DBP)

Antologi Cerpen:

1. “Sulitnya Shiuji” (Antologi Cerpen *KEPEZI Satu*, 2004)
2. “Tenggelamkan Bumi Cikura?” (Antologi Cerpen *KEPEZI Dua*, 2004)

Antologi Puisi:

1. Sajak berjudul “Ketika Kupetik Cinta di Tamanmu” (Kumpulan Puisi *Daksina - Sayembara Puisi Johor* 2004)
2. Sajak berjudul “Berbusanakan Budaya” (Kumpulan Puisi *Daksina – Sayembara Puisi Johor* 2004)
3. “Di Sini Pernah Menjadi Saksi”, “Nyalakan Nyali daripada Kobar Merah” dan “Merah Api Perjuangan” [Antologi Puisi *Pusaka Bangsa* (DBPWS, 2006)]

Bengkel penulisan yang pernah dihadiri:

1. Bengkel Penulisan Cerpen Kelab Penulis Zaharah Nawawi(KEPEZI 2002, Rumah PENA Kuala Lumpur)
2. Bengkel Penulisan Novel Kelab Penulis Zaharah Nawawi(KEPEZI 2003, Rumah GAPENA Kuala Lumpur)
3. Bengkel Karyawan Puisi Johor ke-2 anjuran PPJ/DBP Wilayah Selatan (16-18 Januari 2004, Seri Mersing Resort, Mersing)
4. Bengkel Penulisan Cerpen Kelab Penulis Zaharah Nawawi(KEPEZI September 2004, DBP Kuala Lumpur)
5. Bengkel Penulisan Novel Kelab Penulis Zaharah Nawawi(KEPEZI – DBP (3-5 Disember 2004, Hotel Hilton Petaling Jaya)
6. Bengkel Penulisan Manuskrip DBP Wilayah Selatan (19 dan 20 Dis.2004, The Puteri Pan Pacific Johor Bahru)
7. Bengkel Penulisan Esei dan Kritikan Negeri Johor anjuran DBP (29 dan 30 Jan. 2005, Hotel Katerina Batu Pahat)
8. Perhimpunan Penulis Muda Nasional (3-6 Jun 2005, Tanjung Piai, Pontian)
9. Kursus Penulisan Kreatif Terpilih anjuran DBPWS (27-28 Julai 2005, The Puteri Pan Pacific Johor Bahru)
10. Perkampungan Penulis BBSN 2005 anjuran DBP (8-10 September 2005, Duta Village Beach Resort, Kuantan)
11. Kembara Bahasa anjuran DBP (10-12 September 2005, Kuantan. Pahang)
12. Bengkel Penulisan Novel PEN Bersama Dr.Zakaria Ali (10-12 Mac, 2006 Seri Menanti Resort, Negeri Sembilan)
13. Bengkel Penulisan Cerpen KEPEZI 2006 (April 2006, DBP Kuala Lumpur)
14. Bengkel Penulisan Cerpen anjuran DBP - Hotel Residence, UNITEN Bangi. (2,3 dan 4 Jun 2006)
15. Bengkel Penulisan Novel Sejarah Johor, Yayasan Warisan Johor, Ayer Keroh (21hb-23hb Julai 2006)
16. Seminar Persuratan dan Peradaban Nasional 2006 DBP-PENA-PEN, Hotel Le Paris @ Costa-Rica, Port Dickson. Negeri Sembilan (4-8 Ogos 2006)

(iii) Kavyan

-

(Presidennya, Sdr Uthaya Sankar menyatakan “pencapaian” ahlinya masih di peringkat “sedang maju”. Beliau enggan menamakan ahlinya yang dianggap telah berjaya). Namun berdasarkan penerbitan *Vanakam* (2002) beberapa nama penulis kaum India yang turut serta adalah,

- i. Sritharane Subramaniam
- ii. Bathmavathi Krishnan
- iii. Retna Devi Balan
- iv. Vijayaletchumy Vellasamy
- v. M. Mahendran
- vi. S. G. Prabhawathy
- vii. Saroja Teavy Balakrishnan
- viii. Ganesan Duraisamy
- ix. Raja Rajeswari Seetha Raman
- x. Uthaya Sankar SB

Daripada beberapa nama ini, dua nama yang terserlah ialah Saroja Theavy Balakrishnan dan Uthaya Sankar SB.

(a) Saroja Theavy Balakrishnan

Tarikh, tempat lahir: 7 April 1962, Alor Setar, Kedah.

Pendidikan:

Ijazah Sarjana Muda Sastera UKM

Ijazah Sarjana Sastera UM

Pekerjaan: Guru di SMK Alam Megah, Shah Alam

Genre Penulisan: Cerpen

Media siaran: *Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Dewan Masyarakat.*

Pencapaian:

Hadiah Pertama Pertandingan Menulis Cerpen Formula Malaysia 2000

Hadiah Cerpen Maybank-DBP 1988, 1989, 1991, 1994/95 dan 1996

Hadiah Kedua Peraduan Menulis Cerpen DBKL-DBP 1990

Kumpulan Cerpen:

Gemerlapan (1997)

Keinginan di Celah Daun (2003)

Bengkel penulisan yang pernah dihadiri:

Kavyan, 2000.

(b) Uthaya Sankar SB

Tarikh, tempat lahir: 10 Jun 1972, Taiping, Perak.

Pendidikan:

Ijazah Sarjana Muda Sastera UM

Pekerjaan: Pensyarah di Kolej Muzik Antarabangsa (ICOM)

Alamat e-mel: uthayasb@tm.net.my

Genre Penulisan: Puisi, Cerpen dan Novel.

Media siaran: *Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Dewan Masyarakat, Al Islam.*

Pencapaian:

Hadiah Cerpen Maybank-DBP 1992, 1993.

Hadiah Esso-GAPENA 1996

Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/97, 1998/99

Novel :

Hanuman Potret Diri (1996)

Kumpulan Cerpen:

Orang Dimensi (1994)

Yang Aneh-aneh (1998)

Siru Kambam (1996)

Surat dari Madras (1999)

Sasterawan Pulau Cinta (2001)

Bengkel penulisan yang pernah dihadiri:

MPR, 1991

Bengkel Penulisan Berbilang Kaum , 1994, 1995.

Kavyan, 2000.

(iv) Zharulnizam Shah Z.A (Pujangga Seni)

Nama sebenar: Zharulnizam Shah Bin Zainal Abidin

Tarikh, tempat lahir: 5 September 1974, Segamat, Johor.

Pendidikan:

- Awal/Rendah di SK Batu Anam, Segamat, Johor (1981-1986)
- Menengah di SMK Batu Anam Segamat, Johor (1987-1991)
- Sekolah Menengah Tinggi Segamat (1992-1993)
- Ijazah Sarjana Muda Pendidikah Khas UKM (1994-1998)

Pekerjaan: Guru di SMK Gemereh, Segamat, 2 April 1998 - kini.

Genre penulisan: Sajak, cerpen dan novel.

Puisi:

- “Kelisa Luka”
- “Puisi Terbuka Pernyataan Cinta Untuk ‘J’”
- “Terjemahan Duka Laksamana Bentan”
- “Di Tanah Bertuah Kota Segamat”
- “Berjalan Malam Di Bukit Kepong”
- “Di Bawah Bulan Subuh”
- “Keramatnya Bahasaku”
- “Puisi Alaf Baru”
- “Poskad dari Baghdad”
- “Aku, Orang Tua dan Kematian”

Antologi Puisi

- *Daksina* (2004)

Cerpen:

- “Catatan Dari Penjara”
- “Musim Kepiluan”
- “Kemboja Mula Mekar”
- “Memulih Keakuan”

Novel:

- *Pelangi Malam* (2001)
- *Suhana* (2002)
- *Nasuha* (2002)
- *Rengsa* (2006)

Pencapaian:

(1) Sayembara Puisi Johor 2004

(2) Johan sayembara deklamasi puisi hari kebangsaan bagi peringkat daerah Segamat 2000 dan 2001

Bengkel penulisan yang pernah dihadiri:

1. Kursus Penulisan Kreatif anjuran Persatuan Penulis Johor. 20 Mei 1991 di Dewan Majlis Daerah Segamat Utara, Segamat
2. Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Selatan 2 anjuran bersama DBP dan Persatuan Penulis Johor. 3 hingga 7 November 1993 di perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru
3. Bengkel Penulis Muda Johor (1) anjuran Yayasan Warisan Johor, PPJ dan Gapena. 9 hingga 12 Jun 2000 di Pusat Latihan Yayasan Warisan Johor.

(C) PENULISAN KREATIF DAN PEMBANGUNAN BELIA

Daripada penyelidikan yang dijalankan khususnya terhadap karya yang dihasilkan, sastera secara keseluruhan dilihat dapat memberi kesan ke atas pembangunan belia sama ada dari dimensi fizikal mahupun sahsiah mereka. Secara umum beberapa manfaat serta kebaikan yang diperolehi daripada kegiatan penulisan mereka, sama ada mengikuti bengkel atau menghasilkan karya ialah,

- (i) Penulisan dapat memenuhi masa lapang belia
 - di kalangan peserta MPR dan YWJ, kebanyakan bengkel yang dijalankan adalah ketika cuti sekolah. Melalui bengkel yang diadakan kebanyakan peserta dari kalangan pelajar sekolah, dapat memanfaatkan masa luang mereka dengan sebaiknya. Selain mendengar ceramah, mereka juga dapat mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi dengan para peserta lain. Pertukaran pandangan serta perspektif tentang proses kreatif serta pengetahuan am dapat dilakukan.

(ii) Penulisan dapat menajamkan intelektual belia

- penghasilan sesebuah karya kreatif ternyata bukan berangkat dari ruang vakum. Ia mengalami proses yang panjang dari proses pemikiran, pembacaan, imaginasi, pengolahan, pengeraman, pengeditan dan kritikan. Menerusi proses panjang ini, latihan menajamkan intelektual, cara berfikir secara kreatif dapat dilaksanakan. Secara kritis, penulis muda membaca karya-karya yang bermutu hasil tulisan sasterawan yang lebih mapan. Tulisan para sasterawan itu dihadam dan dicernakan dan ia antara lain dapat mendewasakan pemikiran, memperkasakan langgam bahasa dan memperkemas struktur naratif. Ceramah teori proses kreatif yang diadakan kebanyakannya mengajukan bahawa seseorang penulis harus menawarkan “kebijaksanaan” kepada pembaca. Bagi menjadikan khalayaknya bijaksana, pengarang itu sendiri dituntut mempunyai ciri tersebut; dan ia dapat dilakukan melalui pembacaan dan proses pemikiran yang aktif. Penulis muda dapat dilatih untuk berfikir secara “kreatif dan kritis”; dan sebaliknya bukan berfikir secara konvensional atau lumrah. Penulis muda sering dilatih untuk berfikir dan menanggapi sesuatu dari “mata yang berbeza”.

(iii) Penulisan dapat memberi pulangan kewangan

- Menghasilkan sesebuah karya pada masa sekarang tidak lagi bersifat ideal hanya untuk menjalankan tanggungjawab sosial atau sebagai satu wadah ekspresi. Menulis kreatif dalam fahaman masa kini ialah sebagai antara sumber pendapatan seseorang. Pembayaran royalti atau honorarium yang rata-rata diterima seorang penulis adalah seperti berikut,

| Wadah | Genre | |
|--------------------------|-------|--------|
| | Puisi | Cerpen |
| <i>Tunas Cipta*</i> | RM50 | RM100 |
| <i>Dewan Siswa*</i> | RM50 | RM100 |
| <i>Mingguan Malaysia</i> | RM30 | RM100 |
| <i>Berita Minggu</i> | RM20 | RM150 |

Bayaran ini ternyata tidaklah tinggi berbanding dengan majalah yang menampung karya yang bersifat lebih dewasa seperti *Dewan Sastera*, *Dewan Masyarakat* atau *Dewan Budaya*. Namun secara umumnya ia dapat menyumbang kepada kewangan remaja/belia. Ia antara lain dapat merangsang keupayaan kreativiti mereka. Namun kemungkinan juga jumlah bayaran ini yang akan menenggelamkan minat belia Malaysia untuk terus menulis. Dan ia ternyata lebih baik sekiranya mendapat tempat dalam sayembara atau penilaian hadiah sastera. Berikut merupakan contoh jumlah bayaran yang diterima dalam bentuk hadiah sastera di Malaysia,

| Hadiah Sastera | Kategori | | | | | |
|---------------------------------|-------------------------------|----------|--|----------|----------------------------|----------|
| | Puisi | | Cerpen | | Novel | |
| | Utama | Saguhati | Utama | Saguhati | Utama | Saguhati |
| Hadiah Sastera Utusan Melayu | RM1000 | RM500 | RM2500 | RM1000 | RM6000 RM4000 RM2000 | RM1500 |
| Hadiah Sastera Perdana Malaysia | RM 1000 | | RM 2500 | | RM 10 000 | |
| Hadiah Sastera Berunsur Islam | RM 3000 RM 2000 RM 1000 | RM 500 | RM 5000 RM 4000 RM 2000 RM 1000 | | - | |

* Ini adalah untuk kategori remaja 13-21 tahun. Namun untuk penulis “dewasa” (umur 21 tahun ke atas) bayaran puisi ialah RM100 dan RM200 untuk cerpen.

Misalnya seorang penulis muda yang dianggap prolifik, menulis sekurang-kurangnya 4 buah cerpen setahun dalam setiap wadah yang dinyatakan dalam jadual sebelum ini dan memenangi satu kategori hadiah misalnya mendapat sejumlah (RM450 + RM1000) = RM1450 sehingga (RM450 + RM5000) = RM5450. Ia tidak termasuk jumlah royalti novel sebelumnya, antologi cerpen atau memenangi lebih daripada sebuah sayembara sastera. Adalah kemungkinan juga seseorang penulis muda memenangi nilai hadiah yang lumayan dalam sebuah sayembara seperti yang pernah berlaku dalam sejarah kesusasteraan negara menerusi Hadiah Pertama Peraduan Menulis Cerpen Formula Malaysia (2000) yang berjumlah RM50, 000 yang pernah dimenangi Hizairi Othman. Lain-lain hadiah yang dianggap lumayan ialah Hadiah Sako iaitu sebanyak RM30,000 dalam genre novel. Kesimpulannya penulis muda dapat manfaat dari segi kewangan dalam kegiatan penulisan kreatif sekiranya mereka bersungguh, tekal menulis dan berjaya menghasilkan karya yang terbaik.

(iv)Penulisan dapat meluaskan pengetahuan tentang dunia melalui pembacaan atau interaksi dengan penulis luar negara.

- Faisal Tehrani merupakan contoh terbaik penulis muda yang mendapat peluang yang besar, khusus diberikan oleh pihak DBP untuk beliau ke luar negara. Pertamanya ke Program Penataran MASTERA yang diadakan di Bogor, Indonesia (1999). Kemudian beliau mewakili Malaysia ke Chiang Mai dan Bangkok untuk Forum Asia Pasifik. Faisal Tehrani juga mendapatkan pendedahan yang banyak di Turki dan Jerman. Berangkat daripada pengalaman di luar negara ini beliau bukan sahaja dapat menceduk pelbagai dimensi latar, malah menjalin perhubungan dan interaksi pemikiran dengan penulis dan sarjana. Ia pasti sahaja mematangkan penulisannya. Ia antara lain jelas tercermin dalam beberapa cerpen dan novel yang dihasilkan seperti novel *1515* (2003), *1511H Kombat* (2005) dan *Surat-Surat Perempuan Johor* (2005), yang banyak mengangkat falsafah Islam, reaksinya terhadap kejahatan kuasa unilateral dunia dan kebangkitan kembali Islam.

(v) Menyediakan bahan bacaan yang sesuai.

Konsep penulisan yang didapati daripada kebanyakan bengkel yang diadakan adalah “Oleh Remaja Untuk Remaja” atau “Oleh Belia Untuk Belia” merupakan satu mekanisme yang sesuai untuk menarik penulis atau pembaca menikmati hasil kesusasteraan di peringkat ini. Kebanyakan kategori umur belia yang menyertai bengkel-bengkel penulisan ini adalah dalam lingkungan 17 hingga 35 tahun. Di tangan mereka dapat dilahirkan bahan bacaan yang sesuai dinikmati khalayak sebaya khususnya berdasarkan kayu ukur yang sesuai.

Berdasarkan Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 14-15 Disember 2006, mendapati rata-rata konsep “novel popular” mula menjadi satu fenomena dalam kesusasteraan Melayu. Kandungan utama rumus/formula konsep novel ini yang terdiri daripada kisah cinta, merupakan satu kecenderungan yang dianggap negatif. Beberapa novel yang dibincangkan kebanyakannya yang diterbitkan oleh syarikat Alaf 21, Creative Enterprise dan Raket Kertas. Misalnya *Mahligai Cinta* (2006) oleh Sri Diah, *Pasrah Kasih* (2005) oleh Mazia Harris, *Secebis Kasihmu* (2006) oleh Syamimi Aminollah dan *Lagenda Budak Setan* (2005) oleh Ahadiat Akashah. Rumus kebanyakan “novel popular” ini adalah meliputi pakej berikut,

- i. rumus tema cinta muda mudi
- ii. tiada isu mencabar intelektual pembaca
- iii. tiada kesan intelektual pembaca
- iv. watak muda mudi bercinta
- v. kebanyakan berlatar kota
- vi. bahasa slanga, bahasa mudah (tidak mementingkan estetika)
- vii. plot mudah
- viii. kulit buku yang sensasi
- ix. nama pengarang dan judul yang dikomersilkan
- x. halaman tebal kerana *narrative strategy* yang bersifat santai

- xi. cerita memenuhi kehendak massa (remaja khususnya)
- xii. laris di pasaran, jumlah cetakan beberapa kali
- xiii. kebanyakan diterbitkan 3 syarikat ini,
 - i. Alaf 21
 - ii. Creative Enterprise, dan
 - iii. Roket Kertas

Berdasarkan beberapa rumusan daripada bengkel tersebut, ternyata “novel popular” harus memikirkan lebih daripada tuntutan komersil. Misalnya pendapat Mohamad Mokhtar Hassan (2006: 17),

Sungguhpun dalam satu hal, penulis mahupun penerbit mementingkan pulangan dan keuntungan dari novel yang dihasilkan, namun dalam satu hal yang lain, karya sastera menuntut aktiviti pembaca secara serius, menuntut pembaca untuk mengoperasikan daya intelektualnya. Pembaca dituntut untuk ikut merekonstruksikan permasalahan yang wujud dan dalam hubungan tokoh-tokoh yang terlibat dalam novel. Dengan kata lain, karya sastera dituntut memberikan peranan yang lebih besar kepada khalayak pembaca bukan sekadar membaca novel untuk sekadar hiburan semata-mata.

Berdasarkan kajian ini didapati kebanyakan hasil karya penulis muda hasil daripada bengkel bimbingan penulis muda yang diadakan menepati tuntutan pembentukan sahsiah dan peribadi remaja/belia. Rata-rata rumus penghasilan novel yang bermutu banyak diterapkan dalam pengisian bengkel khususnya yang dapat dijadikan model kepada pembentukan intelektual dan personaliti pembaca yang terdiri daripada remaja/belia. Antara yang ditemui ialah menerusi beberapa novel yang dihasilkan oleh Faisal Tehrani, Zaid Akhtar dan Aminah Mokhtar (rujuk lampiran kertas kerja/pembentangan).

CADANGAN

(i) Kegiatan penulisan kreatif diserapkan di bawah agenda Rakan Muda. Cadangan nama “Rakan Muda Pena” atau “Rakan Muda Keris Mas” iaitu berdasarkan nama Sasterawan Negara pertama.

(ii) Dasar pelaksanaan yang diamalkan oleh institusi yang berkenaan dapat dijadikan model untuk dilaksanakan di peringkat kebangsaan dengan beberapa modifikasi. Antaranya bimbingan dapat dilakukan oleh beberapa tokoh penulis yang mapan dan secara praktikal dapat membimbing peserta diikuti bimbingan mentor-mentee selama setahun. Media atau wadah penerbitan diperlukan untuk menampung penyiaran karya yang dihasilkan. Menyediakan bulletin “Rakan Muda (nama yang diterima)” merupakan satu alternatif. Penyiaran karya adalah satu rangsangan dan motivasi yang luar biasa untuk peserta. Alternatif lain ialah menggunakan ruang di majalah yang sedia ada misalnya *Dewan Siswa* dan *Tunas Cipta* dengan kerjasama pihak DBP. Sehubungan itu dicadangkan juga diadakan sayembara penulisan di kalangan peserta untuk melihat mutu dan kedudukan mereka. Selain menjadi saluran penilaian ia juga dapat menjadi sebahagian kegiatan “Rakan Muda (nama yang diterima)”.

(iii) Dalam contoh kajian ini memperlihatkan sokongan dan dokongan yang diberikan beberapa pihak yang dinyatakan seperti,

- (i) kerajaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah Kementerian Pendidikan,
- (ii) pengarang mapan iaitu KEPEZI,
- (iii) NGO pelbagai kaum iaitu Kavyan, dan
- (iv) kerajaan negeri iaitu Yayasan Warisan Johor.

Namun melalui kajian ini secara terancang Kementerian Belia dan Sukan diharap dapat menjalankan bengkel-bengkel bimbingan penulisan kreatif di peringkat daerah menerusi kegiatan seperti “Rakan Muda (nama yang diterima)”. Ia jelas selaras dengan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang mengajukan bahawa “... KBS sangat berharap dapat mengukuh dan memantapkan strategi sedia ada dan seterusnya mencadangkan strategi yang lebih relevan dan sesuai dengan keperluan belia masa ini dan masa hadapan selaras dengan perubahan ekonomi yang pesat serta arus globalisasi.”

KESIMPULAN

Daripada kajian yang dilakukan, ternyata beberapa institusi berjaya melahirkan sekumpulan penulis muda, penulis yang dianggap kelompok pelapis kepada para penulis mapan. Institusi yang dikenalpasti itu ialah Minggu Penulis Remaja Dewan Bahasa dan Pustaka, Kelab Penulis Zaharah Nawawi, Kavyan dan Yayasan Warisan Johor. Berdasarkan bimbingan yang dikenalpasti melahirkan kelompok penulis muda yang diharap menjadi pemikir, maka karya yang dihasilkan juga bersifat membangunkan intelektual dan sahsiah khalayak. Menerusi kelahiran penulis muda ini juga ia membentuk generasi muda Malaysia yang dapat memanfaatkan “usia muda dan produktif” mereka dalam memenuhi keperluan ekonomi di samping dimensi lain seperti yang dinyatakan.

BIBLIOGRAFI

- Abd.Aziz Mohd Zin. 2006. Psikologi Dakwah. Satu Pengantar. *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Fariza Md.Sham & et al (pnyt.). Bangi: Penerbit UKM.
- Adibah Amin, 1981. *Jalan Seribu Liku*. Kuala Lumpur: Berita Pulishing,
- Ahmad Kamal Abdullah et. al., 1990. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Jilid II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. 1991. *Warkah Eropah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Abdullah. 2001. *Biografi A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brande, Dorothea. 1981. *Becoming A Writer*. New York: Penguin Putnam Inc.
- Cuddon, JA, 1998. *Literary Terms and Literary Theory*. London: Penguin Books.
- DeMarinis, Rick. 2000. *The Art and Craft of the Short Story*. Cincinnati: Story Press.
- Dewan Sastera*, Mei 2005, fokus.
- Dewan Siswa*, Ogos 1988, sisipan.
- Fail Surat Peribadi Ibu Zain. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Fail Minggu Penulis Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. 2002. *Perempuan Anggerik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. 2004. "Kubawa Bakatku ke Jalan Futuwwah". *Dewan Sastera*, Ogos: 10
- Fariza Md.Sham. 2006. Novel *Mungkin...*Oleh Siti Jasmina Ibrahim: Ulasan Dari Sudut Dakwah. Kertas Kerja dalam Diskusi Buku Remaja & Kanak-Kanak. 7 Februari, UKM. Anjuran Biro Penulis Muda PENA.
- Fatimah Busu. *Memupuk Bakat dan Minat: Penulisan Kreatif Teori dan Proses*. Bentong: PTS Publications and Distributors.

- Haslinawati Hassan, 2006. *Citra Wanita dan Pemikiran dalam Novel Faisal Tehrani*. Latihan Ilmiah, Program Persuratan Melayu, FSSK, UKM.
- Hashim Awang, 1981. *Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawthorn, Jeremy, 1992. *A Concise Glossary of Contemporary Literary Theory*. London: Edward Arnold.
- Khatijah Sidek, 2001. *Memoir of Khatijah Sidek*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Littrup, Lisbeth, 1997. *Changing Concepts of Identity in Malay Literature After 1957: An analysis of the Short Stories of Five Malay Women Writers*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah di University Copenhagen (bab 8).
- Lodge, David. 1991. *The Art of Fiction*. London: Penguin Books.
- Mahfuzah Hj. Mustafa, 1998. “Kepimpinan Politik: Pengalaman Ibu Zain” dalam *Antara Kebaya dan Gaun: Pengalaman dan Citra Wanita Melayu Zaman Pra-Merdeka*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faizal Said, 1999. *Pengarang Generasi Baru*. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, FSKK, UKM.
- Mohd Hanafi Ibrahim, 1994. *Esei-esei Tentang Penulis Muda 80-an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ismail Mustari, 2004. *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Mohamad Mokhtar Hassan, 2006. *Lagenda Budak Setan: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme*. Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia. 14-15 Disember.
- Mohamad Saleeh Rahamad, SM Zakir, Shamsudin Othman dan Mohamad Hanafi Ibrahim, 2005. *Idealisme dan Intelektualiti dalam Karya*. Kuala Lumpur: Pena.
- Nazmi Yaakub, 2006. Karya Kreatif Medan Penulis Berdakwah. *Berita Harian*, 18 Mei.
- Nik Safiah Karim dan Rokiah Talib 2004. Lily Rozita Mohd Tajudin (terjemahan). *Tan Sri Fatimah: Portrait of A Leader*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Nisah Hj Haron. 2005. *Tunggu Teduh Dulu: Citra Dakwah Islamiah Kontemporari*. Diskusi karya anjuran Bahagian Teori dan Kritikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Maktab Perguruan Perempuan Melaka, 23 April.

- Nisah Haji Haron. 2006. *Cinta Sangkuriang Rindu Oedipus*. Seremban: Ujanailmu Enterprise.
- Norazlina Manan, 2001. *Cerpen Melayu oleh Penulis Keturunan India: Satu Analisis Gambaran Masyarakat India*. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, FSKK.
- Othman Puteh. 1988. *Persediaan Menulis Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh (peny.). 1993. *Hati Muda Bulan Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 2001. *Penulisan Kreatif: Teori, Pengalaman dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Othman Puteh. 2001. *Penulisan Cerpen: Daripada Konvensi ke Inovasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Othman Puteh. 2002. *Tip dan Motivasi: Penulisan Genre Cerpen*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Othman Puteh, 1994. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Sidin, 2000. *Pembangunan Pendidikan dan Wanita: Cabaran Perancangan*. Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Robiah Sidin, 2005. *Tokoh Pendidikan Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Rosnah Baharuddin, 1998. Penulis Wanita Johor: Dari Ibu Zain Ke Hasidah Disan. *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II: 71-82.
- Ruzaini Yahya, 2005. Zaid Akhtar Merantau dalam *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus*. *Jendela Selatan*. Johor Bahru: Dewan Bahasa Wilayah Selatan, April 15, 18-20.
- Santrock, John W, 2004. *Adolescence*. New York: McGraw-Hill.

- Samsiah Mohd Nor. 2006. Dakwah Menerusi Karya Kreatif. *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*, Siti Rugayah Hj.Tibek & Salasiah Hanin Hamjah. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Shahnon Ahmad. 1989. *Seketul Hati Seorang Pemimpin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Wan Roslili Abdul Majid, 2001. *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siri Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rugayah Hj.Tibek. 2006. Dakwah Melalui Novel : Ulasan Novel ‘Cinta Jati Klasik’ Samsiah Mohd Nor. *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*, Siti Rugayah Hj.Tibek & Salasiah Hanin Hamjah (pnyt.). Bangi :Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Sohaimi Abdul Aziz, 2001. Meninjau Horizon Kesusasteraan Dua Tokoh: Md Salleh Yaapar dan Ungku Maimunah Mohd Tahir. Kolokium Kesusasteraan Melayu Moden V, 2-4 Oktober 2001.
- Sorenson, Sharon. 1994. *How to Write Short Stories*. New York: Macmillan.
- Syed Hussein Alatas, 1991. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- t.p. 2004. *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*. Petaling Jaya: Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI).
- Talib Samat, 2005. Keunikan Novel *Sesegar Nailofar* Karya Zaid Akhtar. *Tunas Cipta*, Mei: 30-31.
- Zaen Kasturi. 1992. *Yuda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharah Nawawi, 2001. *Azah Aziz: Kartika di Langit Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharah Nawawi, 2004. *Merentas Laluan: Autobiografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaid Akhtar, 2003. Proses Kreatif Novel *Rona Bosphorus*. Kertas Edaran Bengkel Novel. Yayasan Warisan Johor, 10-12 Oktober.

Zaid Akhtar, 2006. Dari *Nailofar Ke Bosphorus* : Proses Kreatif Dalam Berdakwah Untuk Remaja. Kertas Edaran Ceritera Bersama Karyawan Sastera.

http://nobelprize.org/nobel_prizes/literature/laureates/2006/pamuk-lecture_en.html

http://www.geocities.com/kavyan_kavya/kavyan.htm

<http://www.ywj.gov.my>

Wawancara (e mel) bersama (Prof Dato' Dr) Siti Hawa Salleh, 29 Jun 2006.

Wawancara bersama (Dr) Noriah Mohamed, ATMA, UKM, 27 Jun 2006.

HASIL KERTAS KERJA/PEMBENTANGAN

(dilampirkan)

1. Sejarah dan Kelangsungan Intelektual Wanita dalam Kesusasteraan Melayu, Seminar Persuratan dan Peradaban Nasional, 3-5 Ogos 2006. (bab dalam buku *Persuratan dan Peradaban Nasional*, 2006, selenggaraan Mohamad Saleeh Rahamad, S.M. Zakir dan Shamsudin Othman, terbitan Pena, Kuala Lumpur).
2. Penghasilan Novel Berunsur Dakwah: Satu Pendekatan Psikologi Dakwah, Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006, pembentang bersama Fariza Mohd Sham. (prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, 2006, suntingan Anuar Puteh, Abd Ghafar Hj Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Mohamad Faisal Asha'ari dan A'dawiyah Ismail).
3. Menjadi Penulis: Antara Realiti dengan Imajinasi, Bengkel Penulis Muda Johor 2006, 15-18 Disember 2006, pembentang.
4. Cerpen: Genre dan Permasalahannya, Bengkel Penulis Muda Johor 2006, 15-18 Disember 2006, pembentang.